



GEMILANG
SEJUTA INSPIRASI
25 Tahun Melonjak Bersama

1999-2024



Politeknik Kuala Terengganu
Jalan Sultan Ismail
20200 Kuala Terengganu
Tel : 09 - 620 4100
Faks : 09 - 620 4102
<https://pkt.mypolycc.edu.my>
Cetakan Tahun 2024

Hak cipta terpelihara. Mana - mana bahagian dalam penerbitan ini tidak dibenarkan ditiru, diterbitkan semula, disimpan dalam dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau dipindah dalam mana - mana cara, baik dengan cara elektronik, mekanikal pengambaran semula atau sebaliknya, tanpa izin bertulis daripada Politeknik Kuala Terengganu.

Diterbitkan oleh :
Politeknik Kuala Terengganu
Jalan Sultan Ismail
20200 Kuala Terengganu

**GEMILANG
SEJUTA INSPIRASI
25 TAHUN MELONJAK BERSAMA
1999-2024**



4th November 2015
The Royal Selangor Hall

MOHE ENTREPRENEURIAL

AWARDS





DR. HAJI MOHD ZAHARI BIN ISMAIL

Ketua Pengarah
Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Sekapur Sirih

Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Setiap aktiviti pembangunan negara dan kejayaan industri di Malaysia adalah bermula dari pembangunan modal insan yang berterusan dan sumbangan serta dedikasi warga POLYCC dalam melahirkan graduan TVET yang kompeten. Usaha yang berterusan ini telah lama dipupuk sejak kewujudan Politeknik bermula pada tahun 1969 penubuhannya. Sehingga kini, Politeknik Malaysia telah pun menghasilkan kira-kira setengah juta graduan yang memberi kesan positif kepada ekonomi khususnya dalam bidang kejuruteraan dan perkhidmatan. Tahniah kepada Politeknik Kuala Terengganu kerana turut bersama melakar kejayaan Politeknik Malaysia.

Politeknik Kuala Terengganu dengan misi dan visi melahirkan graduan TVET yang holistik kini meraikan 25 tahun kecemerlangan. 2024 menandakan satu lagi pencapaian penting untuk Politeknik Kuala Terengganu kerana ia berkembang sejak awalnya bermula pada Julai 1999 dengan pengambilan seramai 80 orang pelajar untuk Program Sijil Teknologi Maklumat dan Sijil Kejuruteraan Elektrik. Kini, mahasiswa dan mahasiswi Politeknik Kuala Terengganu meningkat dari tahun ke tahun dengan penawaran program Pengajian Peringkat Diploma iaitu Diploma Kejuruteraan Elektrik & Elektronik dan Diploma Teknologi Maklumat.

Saya amat kagum dengan kronologi kemajuan akademik, pencapaian dan kisah-kisah kejayaan yang dilakar Politeknik Kuala Terengganu sepanjang 25 tahun ini. Pelbagai pencapaian yang membanggakan antaranya seperti kejayaan Politeknik Kuala Terengganu di Konvensyen Inovatif dan Kreatif (KIK) sejak penyertaannya pada tahun 2014. Tahniah juga diucapkan kepada warga PKT yang turut menyumbang secara aktif dalam aktiviti kemasyarakatan bersama komuniti. Kejayaan yang membanggakan ini mesti dikekalkan agar kita dapat melahirkan lebih ramai pelajar yang berkemahiran, berkebolehan, holistik, berdaya saing dan berciri usahawan pada masa akan datang.

Akhir kata, sekali lagi tahniah kepada Politeknik Kuala Terengganu atas pencapaian sepanjang 25 tahun. Teruskan kecemerlangan.

"Graduan Berkualiti Amanah Kami, Pensyarah Kompeten 'Izzah Kami, POLYCC Wadah Kami, Memacu Destinasi Malaysia Madani."

Sekian, terima kasih.

Senias Pinang

Pengarah, Politeknik Kuala Terengganu

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah SWT atas limpah dan kurnia-Nya, Politeknik Kuala Terengganu telah mencapai Jubli Perak iaitu 25 tahun penubuhannya. Pada hari ini, dengan keizinanNya kita dapat merealisasikan Program Sambutan Jubli Perak Politeknik Kuala Terengganu. Sesungguhnya, kejayaan ini adalah hasil kerjasama dan komitmen erat daripada semua warga kerja yang terlibat.

Saya berasa sangat bangga kerana Politeknik Kuala Terengganu telah melahirkan ramai alumni yang berjaya dalam bidang kerjaya masing-masing. Dengan adanya Sambutan Jubli Perak ini, kita dapat sama-sama menghayati sejarah Politeknik Kuala Terengganu dan kejayaan yang telah dicapai. Majlis ini memberikan kita satu semangat baru untuk terus menyumbang khidmat dan kepakaran kepada politeknik yang dicintai ini.

25 tahun bagi seseorang insan melambangkan detik permulaan kedewasaan dengan kudrat yang kuat dalam menuju kematangan. Politeknik Kuala Terengganu juga tidak terkecuali. Analogi ini tepat dalam mencerminkan komitmen berterusan warga Politeknik Kuala Terengganu yang sedang meniti permulaan usia dewasanya, namun demikian telah berjaya menonjol dengan ciri-ciri kematangan yang amat hebat dari segi kecemerlangan kepakaran dan pencapaian sama ada dalam mahu pun luar negara.


Terima kasih dan syabas saya ucapan kepada seluruh warga Politeknik Kuala Terengganu kerana telah memainkan peranan dalam mencapai misi dan visi PKT bagi menghasilkan pelajar atau graduan yang hebat dan berdaya saing. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada semua warga Politeknik Kuala Terengganu yang terlibat sepanjang perjalanan 25 tahun Politeknik Kuala Terengganu. Teruskan menyumbang ke arah kebaikan bersama. Terima kasih kepada barisan Jawatankuasa yang memastikan Program dan Aktiviti Sambutan Jubli Perak PKT berjalan dengan lancar. Semoga Politeknik Kuala Terengganu terus maju dan berjaya.

Sekian, terima kasih.



SUZANA BINTI MOHD ALI
Pengarah
Politeknik Kuala Terengganu

ISI KANDUNGAN



Sekapur Sirih Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti Seulas Pinang Pengarah Politeknik Kuala Terengganu

1 : LATAR BELAKANG	01
• Sejarah Penubuhan PKT	
• Evolusi Logo PKT	
2 : MAKLUMAT KORPORAT	04
• Visi, Misi & Lagu PKT	
• Carta Organisasi	
• Legasi Pengarah	
3 : PKT 25 TAHUN.....	09
4 : PKT BERSAMA INDUSTRI.....	46
5 : PKT BERSAMA KOMUNITI.....	57
6 : PKT DAN MEDIA	75
SIDANG EDITORIAL.....	81

1

LATAR BELAKANG



SEJARAH PENUBUHAN

Politeknik Kuala Terengganu



POLITEKNIK
KOTA KUALA
TERENGGANU

1999

1 JANUARI 1999

- Konsep kampus 'Kota'
- Menumpang di bangunan Maktab Perguruan Pasir Panjang, Kuala Terengganu

1999

1 JULAI 1999

- Berpindah ke Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Terengganu
- Di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia



- Pengambilan pertama pelajar (80 orang)
- Program Sijil Teknologi Maklumat dan Sijil Kejuruteraan Elektrik

JULAI 1999

MEI 2004

Politeknik telah diletakkan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi

2006

Sewaan bangunan baru di Jalan Engku Sar bagi menempatkan Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK)



2010

**POLITEKNIK
KUALA
TERENGGANU**

27 APRIL 2010

Pertukaran nama PKKT ke Politeknik Kuala Terengganu (PKT)

2011

Sewaan bangunan di Jalan Engku Sar bagi menempatkan Jabatan Pengajian Am

2015

Sewaan bangunan baru di Jalan Engku Sar bagi menempatkan Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE)



**Jubli Perak
Politeknik
Kuala
Terengganu**

2024

Julai 2009

Program Sijil telah dinaik taraf kepada dengan penawaran Diploma Teknologi Maklumat (Pengaturcaraan) dan Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik

Sesi Jun 2010

Penamatan Diploma Elektronik dan menawarkan Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi)

Sesi Jun 2014

Penawaran program Diploma Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (DDE)

Sesi Jun 2015

Penawaran program Diploma Teknologi Maklumat (Rangkaian) (DNS)

Sesi Jun 2016

Penjenamaan semula program DIP kepada program Diploma Teknologi Teknologi Digital (DDT)

Sesi 2:2023.2024

Program Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi) dijumputkan
Penjenamaan semula program DDT kepada program Diploma Teknologi Maklumat (DIT)

EVOLUSI LOGO

Politeknik Kuala Terengganu



JANUARI
1999



MAC
2004



APRIL
2010

2019



MAKLUMAT KORPORAT

2



VISI & MISI

Politeknik Kuala Terengganu

VISI

Menyediakan persekitaran pembelajaran kondusif bagi melahirkan modal insan holistik yang memenuhi keperluan industri

MISI

Menjadi institusi TVET yang berkualiti dalam melahirkan modal insan holistik dan menjadi pilihan utama industri

LAGU

Politeknik Kuala Terengganu

Tersergam megah indah teguh namamu

Di tanah bumi bertuah Terengganu

Tempat ilmu dicurah tanpa jemu

Politeknik Kuala Terengganu

Politeknik Kuala Terengganu

Pusat pendidikan teknikal berilmu

Melahirkan insan holistik era baru

Pemangkin pembangunan negara maju

Bersama warga bersatu berganding bahu

Menuju ke arah visi yang satu

Politeknik Kuala Terengganu

Ayuahlah curahkan baktimu

Politeknik Kuala Terengganu

Pusat pendidikan teknikal berilmu

Melahirkan insan holistik era baru

Pemangkin pembangunan negara maju

Politeknik Kuala Terengganu

Pusat pendidikan teknikal berilmu

Melahirkan insan holistik era baru

Pemangkin pembangunan negara maju

Politeknik Kuala Terengganu

Politeknik Kuala Terengganu

Lagu: Encik Ahmad Ardha bin Zanal Abadin

Gubahan : Encik Mohd Fadhil bin Samsudin

CARTA ORGANISASI

Politeknik Kuala Terengganu



SUZANA BINTI MOHD ALI

PENGARAH

PEMBANTU KHAS
SITI NORHIDAYU BINTI MOHD DERUS@NORDIN



TIMBALAN PENGARAH [AKADEMIK]
YM. DR. TENGKU AZMAN BIN
TENGKU MOHD

KETUA UNIT STRATEGIK &
KOMUNIKASI KORPORAT
[KOSONG]

PENGURUS RMK
[KOSONG]

KETUA UNIT KHIDMAT
PENGURUSAN
ROSNANI BINTI DOLLAH

PEGAWAI INSPEKTORAT
ROZITA BINTI MD. ALI



**TIMBALAN PENGARAH
[SOKONGAN AKADEMIK]**
MARZUKI BIN HUSSAIN

PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM
NURUL AIN BINTI MOHD HASSIM

KETUA UNIT KEWANGAN
NOORAZURA BINTI CHE NAZAR

KETUA UNIT PEMBANGUNAN
MOHD SUBRI BIN ISMAIL

KETUA JABATAN
KEJURUTERAAN ELEKTRIK
MOHD SOFIAN BIN YUSOFF

KETUA JABATAN TEKNOLOGI
MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
SHARMILLA BINTI SULONG

KETUA JABATAN MATEMATIK,
SAINS DAN KOMPUTER
MELATI BINTI SABTU

KETUA JABATAN PENGAJIAN AM
MOHD ZUKY BIN HANAFI

KETUA UNIT SUKAN,
KURIKULUM & KEBUDAYAAN
ZUNAIDI BIN ABDULLAH

KETUA KELESTARIAN
AKADEMIK
RUZANNA BINTI RAMLI

KETUA UNIT PENYELIDIKAN
DAN INOVASI
TS. DR. SHARIFAH NURULHUDA
BINTI TUAN MOHD YASIN

KETUA UNIT PERHUBUNGAN
LATIHAN & INDUSTRI
NOR NAZRAH BINTI ALI

PEGAWAI PEPERIKSAAN
MASRUL ARIFIN BIN MOHD
NAZIR

PENGURUS COT
TS. NOOR MUZLINDA BINTI
MAT HASHIM

KETUA UNIT PEMBANGUNAN
HAL EHWAH PELAJAR
MOHD ZAILANI BIN SULONG

KETUA UNIT PENGURUSAN
PSIKOLOGI
OSFARIZAL BIN OTHMAN

KETUA UNIT PENGURUSAN
SUMBER DAN FASILITI
NORITA BINTI ALI

KETUA UNIT PEMBANGUNAN
INSTRIKSIONAL &
MULTIMEDIA
NOR FIRDAUS BINTI
ZAKARIA@MUHAMAD

PEGAWAI UNIT MULTIMEDIA &
SUMBER
WAN HASBULLAH BIN WAN
ABDUL HALIM

PEGAWAI LATIHAN
MOHD HIDAYAT BIN ONOS @
YUNUS

KETUA CISEC
ABDUL HALIM BIN AHMAD

KETUA UNIT KELESTARIAN
INSTITUSI
WAN HAMIDAH BINTI WAN
ABAS

KETUA UNIT
PERKEMBANGAN
KOMPETENSI & KERJAYA
NADIYATUL AKMAR BINTI
ABDUL LATIF

PEGAWAI KUALITI
[KOSONG]

KETUA UNIT
KESELAMATAN &
KESIHATAN PEKERJAAN
MOHD NAJIB BIN HUSSIN

KETUA UNIT
KEUSAHAWANAN
RASMALIZA BINTI RASHID

KETUA UNIT
JAMINAN
KUALITI & AKREDITASI
ZUBAIDAH BINTI AWANG @
ABDUL RAHMAN

PEGAWAI TEKNOLOGI
MAKLUMAT
SITI RUHANI BINTI SIDEK


PEGAWAI PERPUSTAKAAN
NOR AZIAH BINTI AWANG

LEGASI PENGARAH

Politeknik Kuala Terengganu



ALLAHYARHAM
MOHD HASHIM BIN BUYONG
01.06.1999 – 31.12.2001



ALLAHYARHAM
HJ. MAHASSAN BIN ZAKARIA
01.12.2002 – 31.12.2003



HJ. MORDIN
BIN MOHAMMAD
01.01.2004 – 30.04.2005



HJ. MOHD FISAL
BIN HAROON
01.06.2005 – 31.07.2006



MOHD SOPIAN
BIN BAHAUDDIN
01.08.2006 – 30.03.2007



HJ. ABDUL AZIZ
BIN BAKAR
01.04.2007 – 01.12.2007



MOHD SA'AT BIN ABDUL
12.12.2007 – 16.04.2008



HJ MOHD PAUZI
BIN IBRAHIM
01.08.2008 – 01.05.2011




HAJAH RADIAH
BINTI CHE SU. AMT.
01.11.2011 – 09.10.2018



DR. HAJI MOHD DAUD
BIN ISA
04.11.2018 – 06.07.2023



SUZANA BINTI MOHD ALI
09.07.2023 – sekarang



“ Di awal penubuhan PKKT cabaran pada waktu itu adalah isu berkaitan kekurangan fasiliti di politeknik dan bermulanya perancangan mendapatkan dan menambah ruang/lokasi tambahan bagi memenuhi keperluan pelajar dan staf.

Sangat teruja dan bangga naik ke pentas mengambil piala Johan pertandingan ROBOT Politeknik Malaysia, program Robocon dan mengalahkan politeknik-politeknik yang terlebih dahulu ditubuhkan.

Harapan agar Politeknik Kuala Terengganu suatu masa nanti diberikan kampus yang dilengkapi dengan kemudahan fasiliti yang lengkap.

“Walaupun Kecil Kita Mantap”

HJ. MORDIN BIN MOHAMMAD, PENGARAH KE- 3 PKT

”

Pengalaman manis di Politeknik Kuala Terengganu adalah menyiapkan SATU(1) kertas kerja bagi menaik taraf Gred jawatan pengarah daripada Gred DH48 ke Gred DH52

Terasa saya apabila PKKT tiada fasiliti sukan kepada pelajar berbanding politeknik lain. Namun kagum dengan prestasi pelajar yang masih meraih kejohanan di dalam pertandingan sukan dan mengalahkan pelajar dari politeknik lain yang mempunyai fasiliti sukan yang lengkap.

Harapan agar Politeknik Kuala Terengganu dapat mempunyai kampus dengan kemudahan yang canggih.

“PKT Padu”

HJ. MOHD FISAL BIN HAROON, PENGARAH KE- 4 PKT



“ Tanggapan pertama : Terkejut dengan saiz kecil dan telah berusaha mendapatkan kampus baru. Namun hanya berjaya menyewa bangunan di atas KFC dan JTMK yang sekarang. Sangat berterima kasih atas kerjasama staf pada masa itu walaupun dengan fasiliti terhad.

Pencapaian yang sangat dibanggakan pada waktu itu adalah PKKT telah menjadi juara kayak di peringkat antarabangsa. PKKT turut aktif melaksanakan program sukarelawan di komuniti sekitar. PKKT dilihat mempunyai kekuatan dalam pertandingan Robot dan KIK.

Harapan agar PKT mendapat satu kampus tetap yang baru yang dapat meningkatkan kecemerlangan kakitangan.



“Semangat Berpasukan & Teguh Bersama”

HJ. ABDUL AZIZ BIN BAKAR, PENGARAH KE- 6 PKT

”

3

PKT
25 TAHUN



2004

15 - 17 MEI



Pertandingan Robot Politeknik Malaysia, Piala Datuk Abdul Rafie Mahat (Robocon'04),

Pencapaian : JOHAN

Politeknik Kota Kuala Terengganu, telah berjaya muncul sebagai Johan dalam Pertandingan Robot Politeknik Malaysia, Piala Datuk Abdul Rafie Mahat (Robocon'04). Program ini telah berlangsung dengan jayanya sepanjang TIGA (3) hari bertempat di Politeknik Kota Bharu, Kelantan.



Karnival Debat Perdana dan Pidato Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi



2013

05 - 08 APRIL

Karnival Debat Perdana dan Pidato Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi julung-julung kali diadakan dan Politeknik Kuala Terengganu dengan kerjasama Politeknik Hulu Terengganu telah diamanahkan untuk menjadi tuan rumah bagi sirkit pertama. Karnival ini menjurus ke arah pertandingan yang menyaksikan sebanyak 23 buah politeknik dari 29 buah politeknik yang menyertai pertandingan ini dan turut mengambil bahagian untuk perbahasan pidato.

Majlis perasmian telah dirasmikan oleh Encik Wan Zulkifly bin Wan Zakaria, Pengarah Bahagian Kebajikan Pelajar, Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Hadir bersama Puan Hajjah Radiah binti Che Su, Pengarah Politeknik Kuala Terengganu dan Encik Syamsul Amri bin Hj Ismail, Presiden Pertubuhan Alumni Debat Malaysia (ADAM) yang juga telah melapangkan masa sejak pagi hingga ke pertandingan akhir



2014

**Kejuaraan Piala Gubernur Jawa Barat Tahun 2014,
Kegiatan Fasilitasi Pembinaan Prestasi Olahraga di Siliwangi Squash Center (SSC)**

12 - 15 JANUARI

Pencapaian : GANGSA





Majlis Perasmian Pusat Perkembangan Keusahawanan Politeknik Kuala Terengganu.

2014

4 JUN



Majlis Perasmian Pusat Perkembangan Keusahawanan Politeknik Kuala Terengganu telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Encik Wan Zulkifly Bin Wan Zakaria, Pengarah Bahagian Kebajikan Pelajar, Jabatan Pengajian Politeknik.



CIDOS INSPIRING LEARNING AWARDS (eDOLA) 2014

Pencapaian : Secara Keseluruhan PKT membolot hadiah wang tunai sebanyak RM8,500.00

CIDOS INSPIRING LEARNING AWARDS (eDOLA) 2014 di anjurkan oleh BIPD dengan Kerjasama Jawatankuasa eLearning Politeknik di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) pada 1 Oktober 2014.

Pencapaian PKT:

E-Micro Content Competition (EMCC)

- 1.60 Second Award – Video Capture Tips (2nd Prize) RM1000
- 2.120 Second Award – Basic Shot Types (2nd Prize) RM1000
- 3.180 Second Award – Sapu Khuf (2nd Prize) RM1000
- 4.180 Second Award – Types of Video Camera (3rd Prize) RM500

Scorm King

- 1.ICT Category – FP305 Queue in Data Structures (1st Prize) RM3000
- 2.ICT Category – Multi Threading (2nd Prize) RM2000



2014

10 NOVEMBER

Pencapaian : GANGSA



Anugerah Kecemerlangan Pelajar Politeknik.





Anugerah Kecemerlangan Pelajar Politeknik telah diadakan di Menara Kuala Lumpur
anjuran Bahagian Pembangunan Pelajar Jabatan Pengajian Politeknik dan Politeknik Ibrahim Sultan


2015

09 - 11 JUN

Pasukan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Politeknik Kuala Terengganu, Q7PRO++ yang telah dinobatkan Johan Kategori Pengurusan dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Politeknik Malaysia 2015 anjuran Jabatan Pendidikan Politeknik Malaysia serta dengan membawa pulang Wang Tunai RM1400 dan mendapat pengiktirafan EMAS menerusi projek Sistem e-TNT (MASALAH MEMPROSES TUNTUTAN PERJALANAN KAKITANGAN PKT).

Kumpulan ini juga dipilih untuk mewakili Kementerian Pengajian Tinggi ke pertandingan inovasi Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam 2015.

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Politeknik Malaysia Peringkat Kebangsaan



4th November 2015
The Royal Chulan Hotel

MOHE ENTREPRENEURIAL AWARDS



MOHE Entrepreneurial Awards 2015, The Royal Chulan Hotel

2015

04 NOVEMBER



Politeknik Kuala Terengganu telah berjaya memenangi anugerah *Institutional Category (Polytechnic)* RM50,000.00.



Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam 2015

Pencapaian: Anugerah Ketua Pengarah MAMPU (Kementerian Pengajian Tinggi)
Kategori Pengurusan (RM5000.00 - Q7PRO++)

2015

24 - 26 NOVEMBER

2015

19 - 22 OGOS

Karnival Keusahawanan Kebangsaan Politeknik Malaysia (K3PM) bertemakan "USAHAWAN CEMERLANG, NEGARA TERBILANG" telah berjaya dilangsungkan pada 19 hingga 22 Ogos 2015 bertempat di Pantai Batu Buruk, Terengganu. Majlis Perasmian telah berlangsung dengan meriah di Taman Awam Batu Buruk, Kuala Terengganu pada 21 Ogos 2015.


Perasmian disempurnakan oleh Y.B EXCO Roslee bin Daud dan turut sama Datuk Mohlis bin Jaafar, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Hajjah Radiah Che Su, Pengarah Politeknik Kuala Terengganu.

Karnival Keusahawanan Kebangsaan Politeknik Malaysia





Sekitar Program Perasmian Penutup Karnival Keusahawanan Kebangsaan Politek Malaysia.



Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 3, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)**2016****25 JAN - 05 FEB****Pencapaian :**

- 1 Emas - Judo(Bawah 60kg)
- 2 Perak - Badminton(Single lelaki, Single Wanita)
- 1 Gangsa - Lawn Ball (berpasukan)

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kerjasama Majlis-Majlis Sukan IPT (MASUM, MSP, MASKOM dan MASISWA) menganjurkan SUKIPT (Sukan Institusi Pendidikan Tinggi) bermula pada tahun 2012 yang diadakan secara dwi tahunan di mana usaha kementerian untuk membangunkan dan memajukan sukan di peringkat IPT, kebangsaan dan antarabangsa secara bersepadu. Pasukan Politeknik Terengganu (PSMZA, PKT, PHT) menyertai kejohanan tersebut). Atlet PKT seramai 5 orang yang bertanding dalam acara Badminton, Judo, Boling Padang dan Tenpin Bowling. Pencapaian yang amat membanggakan di mana Politeknik Terengganu berjaya mendapat emas pertama sepanjang SUKIPT diadakan melalui acara Judo.



PENYAMPAIAN HADIAH CABARAN SDR



HACKATHON
TEMPAT KETIGA
RM900

RM900 + Pingat Gangsa + 1 bulan kemudahan hotdesking Co-Working Space di MaGIC

HACKATHON
HADIAH UTAMA
RM3,000

RM3,000 + Pingat Emas + 3 bulan kemudahan hotdesking Co-Working Space di MaGIC + Tiket menyertai sesi Idea Lab MaGIC

HACKATHON
TEMPAT KEDUA
RM1,500

RM1,500 + Pingat Perak + 1 bulan kemudahan hotdesking Co-Working Space di MaGIC

Program Jom Belajar Koding Hackathon

2016

Pencapaian : TEMPAT KETIGA

MEI



Program Jom Belajar Koding ini memperlihatkan sejumlah peserta dalam siri jelajah berkenaan menyertai sebuah hackathon selama lebih 24 jam dan hadir dengan beberapa idea berbentuk inovasi dalam terus menambah baik gaya hidup di bawah tema "Transformasi Nasional 2050". Pasukan Politeknik Kuala Terengganu telah memenangi Tempat Ketiga dan menerima Pingat Gangsa, hadiah wang tunai RM900 dan 1 bulan kemudahan hotdesking Co-Working Space di MAGIC.





**Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Politeknik Malaysia
Peringkat Kebangsaan**

Pencapaian : JOHAN KESELURUHAN

2016

26 - 28 JULAI



Pencapaian :

- **Johan Keseluruhan** (Piala Pusingan)
- **Johan Kategori Pengurusan** (RM1200 - eTrans)
- **Naib Johan Kategori Teknikal** (RM1000 - Strikers XVI)

PKT telah diberi kepercayaan untuk menjadi tuan rumah bagi Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) 2016 yang telah berlangsung pada Julai 2016 bertempat di Hotel Permai, Kuala Terengganu.

Pada konvensyen tersebut, PKT telah berjaya menjadi Johan bagi Kategori Pengurusan yang diwakili oleh Kumpulan eTrans dengan membangunkan sistem e-Kursus. Bagi Kategori Teknikal pula kumpulan STRIKERS XVI berjaya meraih tempat kedua melalui projek Embedded Sistem Applications. Kemuncak konvensyen tersebut telah menyaksikan PKT dinobatkan sebagai juara keseluruhan bagi Konvensyen KIK 2016. Syabas dan tahniah diucapkan kepada kumpulan yang terlibat.





Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam 2016

2016

Pencapaian: Anugerah Ketua Pengarah MAMPU (Kementerian Pengajian Tinggi)
Kategori Pengurusan (RM5000.00 - eTrans)

14 - 15 NOVEMBER



2017

14 - 16 OKTOBER

Pencapaian :

- **Johan Keseluruhan** (Piala Pusingan)
- **Tempat Pertama Kategori Perkhidmatan Penambahbaikan** (RM2000 - Strikers XVI)
- **Tempat Pertama Pameran Terbaik** (RM500 - Strikers XVI)
- **Tempat Ketiga Kategori Perkhidmatan Penambahbaikan** (RM1000 - V-idea)

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Horizon Baharu (HB) Peringkat Kebangsaan Politeknik Malaysia 2017 yang disempurnakan oleh Prof. Dato' Dr Mohd Ismail bin Abd Aziz, Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti bertempat di Hotel Permai Kuala Terengganu. Strikers Johan Keseluruhan dengan penghasilan projek Papan Elektronik Pendidikan Pelbagai Guna (ME2 Board), manakala kumpulan V-idea dengan projek V-Surat.

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Horizon Baharu Peringkat Kebangsaan Politeknik Malaysia 2017





2017

10OKTOBER



Teater TULAR - Augerah Kumpulan Harapan & Poster Teater Terbaik



Produksi Tular di bawah Kelab Teater & Unit Sukan, KoKurikulum & Kebudayaan Politeknik Kuala Terengganu telah berjaya memenangi Anugerah Kumpulan Harapan dan Poster Teater Terbaik di Festival Teater Negeri Terengganu 2017 di Auditorium JKKN Kuala Terengganu.





Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Terengganu 2017

Pencapaian : Anugerah Setiausaha Kerajaan Terengganu (RM7000.00 - STRIKERS XVI)
Anugerah Penarafan Bintang (5 STAR RATING)

2017

19 - 20 NOVEMBER

2018

03 - 05 OGOS

Karnival Sukan Pantai Dan Indoor Games Politeknik Malaysia

Pencapaian : JUARA KESELURUHAN





Karnival Sukan Pantai dan Indoor Games Politeknik Malaysia 3-5 Ogos 2018 bertempat di Scout Inn Pantai Teluk Ketapang, Kuala Nerus dan Stadium Negeri Terengganu



**Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Horizon Baharu
Peringkat Kebangsaan Politeknik & Kolej Komuniti Malaysia 2018**

KONVENTSYEN KIK 2018 HORIZON BAHARU

PERINGKAT KEBANGSAAN POLITEKNIK & KOLEJ KOMUNITI



2018

7 - 10 OGOS

Pencapaian :

- Johan Kategori Penyampaian Perkhidmatan** (RM2500 - Strikers)
- Tempat Ketiga Pameran Terbaik** (RM400 - Strikers)
- Naib Johan Kategori Sosial** (RM1800 - Afo++)

KONVENTSYEN KIK 2018 HORIZON BAHARU

PERINGKAT KEBANGSAAN POLITEKNIK & KOLEJ KOMUNITI



Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Horizon Baharu (HB) Peringkat Kebangsaan Politeknik & Kolej Komuniti Malaysia 2018 yang disempurnakan oleh Prof. Dato' Dr Mohd Ismail bin Abd Aziz, Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti bertempat di Dewan Kenangan TER, Kuala Terengganu bertemakan **"Revolutionary Technology & Digitalisation Move Innovation"**.

2019

03 - 05 SEPTEMBER

Program ini telah berlangsung dengan jayanya sepanjang TIGA (3) hari bertempat di Terengganu Digital 1303. Majlis Penutup telah disempurnakan oleh Tuan Haji Mohd Nor Mazlan bin Ismail, Timbalan Pengarah Bahagian Ambilan Dan Pembangunan Pelajar (Unit Keusahawanan Dan Alumni) Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.

Terdapat pelbagai aktiviti menarik di sepanjang program berlangsung. Antaranya ialah *E-Sport Tournament*, *Simulation of Digital Game in New Era* by pihak KITAMEN, *Career Talk*, *Tech Talk*, *Money Talk* dan *Awareness Talk*. Terdapat juga pameran daripada pelbagai agensi dan industri dengan berkonsepkan teknologi baru seperti *Internet of Things*, *3D Printing & Fashion Design*, *Applied Robotic*, *Augmented Reality*, *Virtual Reality*, *Urban Agriculture* dan *Bio Technology*.

Program ICT Village & East Coast Open Zon Timur 2019





Tuan Haji Mohd Nor Mazlan bin Ismail teruja mencuba *Simulation Game Simulation of Digital Game in New Era*. Hadir bersama Pengarah Politeknik Kuala Terengganu, Dr. Haji Mohd Daud bin Isa diiringi oleh Timbalan Pengarah Sokongan Akademik Politeknik Kuala Terengganu, Puan Suzana binti Mohd Ali.

Para pelajar Politeknik Zon Timur tidak melepaskan peluang menyertai E-Sport Tournament pada Program ICT Village & East Coast Open Zon Timur 2019.






Majlis Pelancaran Projek Inovasi “THE COMPONENTS” YAYASAN INOVASI MALAYSIA Meneroka Dunia TVET Melalui Permainan

2021

6 APRIL

THE COMPONENTS merupakan satu inovasi yang telah dibangunkan di bawah Dana Bantuan Pembangunan Inovasi Berimpak Tinggi 6 – Inovasi Inklusif, Yayasan Inovasi Malaysia. Dana yang diperuntukan adalah sebanyak RM54,000.00. Seramai 5 orang penyelidik dari Politeknik Kuala Terengganu yang bertanggungjawab dalam membangun inovasi The Components ini.





2024

21- 26 APRIL

17th FIRA MALAYSIA CUP 2024 POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH

Pencapaian : BRONZE MEDAL IN AIR DRONE

PKT TITAN menghantar peserta dalam 5 kategori [Simurosot, AiBot, MyBot Youth, Air Drone & Autonomous Car Challenge]





Majlis Konvokesyen Kali Pertama , Politeknik Kota Kuala Terengganu.
Dirasmikan oleh Yang Berbahagia Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia



**PKT
BERSAMA
INDUSTRI**

4



Majlis Penyerahan Projek Jaringan Penyelidikan Awam Swasta (PPRN) - Cotton Woolly Decompression Machine

2018

1 JULAI



Majlis Penyerahan Projek PPRN (Public-Private Research Network) oleh Politeknik Kuala Terengganu menerusi ciptaan Cotton Woolly Decompression Machine kepada Syarikat NMH Production and Creation Nuur Mummy House. Penyerahan disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Ismail bin Abd Aziz, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia. Turut hadir Dr. Ishak bin Mohamad, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi Politeknik dan Dr. Saifuddin Kumar bin Abdullah, Ketua Penolong Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi Politeknik.





Career Day PKT Buka Peluang Kerjaya

2018

30 JUN - 1 JULAI

Politeknik Kuala Terengganu dengan kerjasama JobsMalaysia Terengganu telah mengadakan Career Day 2.0 bertempat di Kampus Induk Politeknik Kuala Terengganu.

Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan. Antaranya, Temuduga Terbuka daripada pelbagai syarikat dan agensi, Taklimat dan Nasihat Kerjaya daripada JobsMalaysia, Klinik Resume dan Pameran Kerjaya. Turut disediakan gerai jualan dan Food Truck.





2019

04 April

Program Tunjuk Ajarku Sifu : "PKT kolaborasi dengan industri, alumni tingkat kemahiran graduan"

Kerjasama antara PKT bersama pihak industri dan Alumni menerusi Program Tunjuk Ajarku Sifu ini diharapkan dapat memperkasakan lagi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di negara ini.



Seramai 200 orang pelajar PKT telah dilibatkan terdiri dari pelajar Semester 1,2,3, 4 dan pelajar tahun akhir. Terdapat 5 aktiviti yang dijalankan secara serentak iaitu Program Talk IR 4.0, Bengkel Kabel Optik, Bengkel Mobile Fotografi, Bengkel Abacus dan TRIZ Competition. Dan pada hari ini juga akan diadakan Majlis Menandatangi Sijil Kolaborasi bersama Malaysia Automotive, Robotics & IoT Institute (MARii) dan Terengganu Digital.

Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) dan Menandatangani Sijil Kolaborasi Strategik (COC) bersama Rakan Kolaborasi Baharu PKT

2023

29 MEI



Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) bersama 2Y Communication Engineering dan menandatangani Sijil Kolaborasi Strategik (COC) bersama rakan kolaborasi baharu PKT iaitu :

1. Universiti Malaysia Terengganu
 2. Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri Terengganu (TESDEC)
 3. NMH Production & Creation
- telah dilaksanakan.

Majlis hari ini menandakan Politeknik Kuala Terengganu komited bekerjasama dengan industri dan agensi dalam menghasilkan pelajar TVET yang berkemahiran dan berpengetahuan tinggi. Khidmat kepakaran daripada industri dan agensi amat diperlukan bagi memastikan pelajar boleh mengadaptasi dan bersedia untuk menghadapi dunia industri sebenar.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Puan Yusma binti Yusof, Pengarah Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.



Majlis Menandatangani Sijil Kolaborasi Strategik (CoC) bersama Rakan Kolaborasi sempena Program Career Day 2023

2023

13 SEPTEMBER

Hari ini berlangsungnya Majlis Perasmian Career Day dan Majlis Menandatangani Sijil Kolaborasi antara Politeknik Kuala Terengganu bersama Agensi dan Industri.

Wakil dari agensi/industri ialah:

1. Haji Ahamd Kamil bin Yusof, Ketua Pegawai Eksekutif Akademi Binaan Malaysia (Wilayah Timur)
2. Encik Fakhrurazi bin Azhar, Founder & Chief Technology Officer, Devstack Sdn. Bhd
3. Encik Sahrul Izham Safee Pengurus Art X Stitch Kuala Terengganu

Majlis COC hari ini menandakan Politeknik Kuala Terengganu komited bekerjasama dengan industri dalam menghasilkan pelajar TVET yang berkemahiran dan berpengetahuan tinggi. Program hari ini juga disertakan dengan "career talk" dan "workshop" daripada industri selaras dengan penganjuran Program Career Day.





Majlis Menandatangani Surat Hasrat Kerjasama (LOI) bersama Rakan Kolaborasi Sempena Program Career Day Politeknik Kuala Terengganu 2024

Majlis Menandatangani Surat Hasrat Kerjasama (LOI) bersama Rakan Kolaborasi Sempena Program Career Day Politeknik Kuala Terengganu 2024. Program anjuran Unit CISEC Politeknik Kuala Terengganu ini telah dirasmikan oleh YBrs. Dr. Zamzam bin Mohd Walid, Pengarah, Bahagian Kurikulum, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.

Sebanyak 7 industri/IPT/agensi telah menjadi rakan kolaborasi baharu PKT iaitu:

- Pahang Skills Development Centre
- Perak Entrepreneur and Skills Development Centre
- Infradata Technology & Services Sdn. Bhd
- K-Production
- Ledakan Digital Sdn. Bhd
- Universiti Teknologi Malaysia
- Indonesian Institute For Counseling, Education And Therapy & Redwhite Press
- Kapas Coral Beach Resort

Program selama dua hari ini turut disertakan dengan pelbagai pengisian daripada industri selaras dengan penganjuran Program Career Day.

2024

29 APRIL







5

PKT
BERSAMA
KOMUNITI



2015

10 - 13 NOV

Unit Psikologi dan Kerjaya dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar Politeknik Kuala Terengganu (PKT) telah menganjurkan program eksplorasi silaturrahim Nusantara dan khidmat komuniti atau CSR yang diadakan di Desa Pongkar, Karimun, Riau Indonesia.

Program ini merupakan program pengantarabangsaan yang telah berlangsung dengan jayanya selama TIGA (3) hari dengan penduduk bertujuan untuk merapatkan hubungan antara pelajar dan masyarakat setempat di samping menyelami kehidupan masyarakat di negara jiran dan membuat comparative studies.

Program Explorasi Silaturahim Nusantara Dan Khidmat Komuniti CSR PKT







2016

28 FEBRUARI

POLITEKNIK KASIH @BESUT : Projek Pembaikan Kecil Kerja - Kerja Teknikal Elektrik (2013 - 2018) Parliment Besut

Program Khidmat Masyarakat (CSR) Politeknik KualaTerengganu, pendawaian rumah komuniti Hulu Besut di Felcra keruak dan kampung Orang Asli Sungai Sayap Hulu Besut pada 28 Februari 2016.



2016

15 - 17 MEI

Program Khidmat Masyarakat (CSR) Poli Kasih 2016



Program Sekampit Beras Sekilo Gula

2017

1 - 22 JUN



Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) dengan kerjasama Unit Perpustakaan Politeknik Kuala Terengganu (PKT) telah menganjurkan satu program amal yang diberi nama "Sekampit Beras Sekilo Gula".

Program ini merupakan satu platform untuk warga PKT dan orang ramai menyalurkan sumbangan kepada golongan yang memerlukan seperti fakir dan miskin yang tinggal di sekitar Kuala Terengganu.

Majlis Pelancaran Program Sekampit Beras Sekilo Gula telah disempurnakan oleh En. Mohd Rusmi Bin Abdul Ghani, Timbalan Pengarah Akademik, Politeknik Kuala Terengganu bertempat di Perpustakaan PKT. Turut hadir pada majlis ini ialah para pensyarah, staf dan juga pelajar.

Menurut En.Mohd Rusmi dalam ucapannya, program amal ini julung-julung kali diadakan di PKT sejak penubuhannya pada 1999. Beliau juga turut menggalakkan pensyarah dan staf untuk mengambil peluang ini untuk menderma dan bersedekah di bulan Ramadhan yang mulia ini.

Program Sekampit Beras Sekilo Gula ini akan berlangsung sehingga 22 Jun 2017 dan agihan pertama akan disempurnakan pada 16 Jun 2017 kepada 20 keluarga fakir dan miskin di sekitar Kuala Terengganu.



Wajah - Wajah Program Sekampit Beras Sekilo Gula Dari Tahun 2018-2024



Sekampit Beras Sekilo Gula memberikan senyuman kepada mereka yang memerlukan.



Program Khidmat Masyarakat (CSR) Kerja - kerja Pendawaian rumah komuniti di Kok Lanas, Kota Bharu, Kelantan

2017

14-18 SEPTEMBER



Pasukan Sukarelawan (CSR) PKT Program Sukarelawan Politeknik Malaysia telah menyertai misi Kerja - kerja Pendawaian rumah komuniti di Kampung Gondang Ketereh, Dun Kok Lanas, Ketereh.

Seramai 7 pelajar dan 4 staf PKT telah menyumbang keringat dalam menjayakan program ini.



2019

25-26 SEPTEMBER

Program Khidmat Komuniti bersama Komuniti Kuala Terengganu merupakan salah satu program CSR di mana sukarelawan PKT yang terdiri daripada pelajar-pelajar yang secara sukarela terlibat dalam kerja-kerja sukarelawan.

Program kali ini adalah khidmat komuniti bersama kediaman sewa pelajar PKT yang memerlukan bantuan khidmat pendawaian tambahan untuk menampung keperluan pelajar-pelajar yang menyewa di premis tersebut.

Hadir bersama adalah pemilik premis yang turut serta menjayakan program ini. Turut serta hadir pada program ini adalah Tuan Pengarah PKT, Dr. Haji Mohd Daud bin Isa turun padang bagi melihat dan memberi sokongan penuh kepada sukarelawan yang terlibat.



Program Relasis Politeknik Kuala Terengganu Bersama Komuniti

2019

27 FEBRUARI



Telah berlangsung Program RELASIS bersama Komuniti anjuran Briged RELASIS Politeknik Kuala Terengganu dengan kerjasama Jabatan Sukarelawan Malaysia bertempat di Rumah Tunas Harapan Darul Hilm, Teluk Ketapang, Seberang Takir, Terengganu.

Antara aktiviti yang dilakukan adalah gotong-royong membersihkan kawasan sekitar Rumah Tunas Harapan Darul Hilm dan membaja pokok-pokok tanaman yang terdapat di kawasan itu.

Aktiviti ini bukan sahaja bertujuan untuk memenuhi silibus pembelajaran di PKT malah dapat menanam sifat kesukarelawan dalam diri pelajar untuk menyumbang apa sahaja yang terdaya buat masyarakat setempat yang memerlukan.

PKT amat komited dalam melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik malah berciri holistik. Semoga aktiviti seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.





Program Khidmat Masyarakat (CSR) Bersih Pantai

2023

Program CSR Bersihkan Pantai melibatkan pelajar Politeknik Kuala Terengganu. Aktiviti pembersihan pantai secara sukarela ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran menjaga kebersihan pantai bagi memastikan kesejahteraan penduduk, pelancong serta hidupan sama ada di darat maupun laut. Diharap program ini dapat membentuk sikap bertanggungjawab semua pihak dan sayangkan alam sekitar.

13 OGOS



2023

26 MEI

Program Khidmat Masyarakat (CSR) Masih Ada Yang Sayang bersama anak-anak Baitul Sakinah anjuran Jabatan Pengajian Am, Politeknik Kuala Terengganu telah diadakan pada 26 Mei 2023. Anak-anak Baitul Sakinah diraikan dengan pelbagai aktiviti seperti mewarna, melukis, puzzle yang diadakan bersama. Program ini sebagai tanda keprihatinan PKT kepada masyarakat setempat. Diharapkan program ini sedikit sebanyak dapat menceriakan anak-anak Baitul Sakinah.

Program Khidmat Masyarakat (CSR) Masih Ada Yang Sayang bersama anak-anak Baitul Sakinah





Kembara Eksplorasi ASEAN @ Vietnam 2023

2023

17 NOVEMBER



Program Kembara Eksplorasi Asean @Vietnam 2023, hasil kerjasama strategik dengan MCG (Muslim Care Global), RDC Berhad, Politeknik Kuala Terengganu, Rainbow Girl, Ascenity Solution, Pretech Global, Anes Pharmacy, Klinik Pergigian Premium, Seremban Sublimation, Al-Amin Jihas Venture dan Nasryul Qurab disertai 28 peserta dari UMPSA termasuk alumni, PKT, MCG, dan RDC Berhad. Selama 6 hari program ini berlangsung, ia dapat mencerminkan usaha pelbagai lapisan masyarakat dalam aspek pendidikan, kesihatan, kerohanian, teknologi dan kebajikan.

2024

5 APRIL

Pasukan Sukarelawan Pelajar Politeknik Kuala Terengganu (PKT) menyantuni golongan kurang bernasib baik di sekitar Kuala Terengganu, Terengganu sempena program Sekampit Beras Sekilo Gula.

Program tahunan yang diadakan sepanjang Ramadan itu dilihat sebagai platform terbaik kepada warga PKT untuk bersedekah dan berinfak di bulan mulia ini. Kira-kira 100 penerima dalam kalangan pelajar, pekerja pembersihan, pengawal keselamatan termasuk komuniti kurang kemampuan menerima barang keperluan asas seperti beras, tepung, gula dan lain-lain sebagai persediaan dan persiapan menjelang Syawal.

Salah seorang penerima, Wan Abu Bakar Wan Ngah dari Kampung Losong Haji Mat meluahkan rasa terharu dan bersyukur menerima sumbangan tersebut. "Bantuan ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban kewangan tambahan pula saya perlu menyara isteri yang terlantar akibat serangan angin ahmar," ujarnya.

Bagi Mohd Saifullizan pula, dia menzahirkan kesyukuran atas keprihatinan PKT dalam membantu ahli keluarganya.

Sekampit Beras Sekilo Gula untuk 100 penerima







2024

22 APRIL

Kira-kira 40 Sukarelawan YES Politeknik Kuala Terengganu (PKT), Kuala Terengganu, Terengganu turut serta dalam program Lestarkan Bumi Kita yang berlangsung di Taman Negeri Setiu Wetlands, Setiu, Terengganu.

Program yang diadakan sempena Sambutan Hari Bumi Sedunia 2024 Peringkat Negeri Terengganu bertujuan mengajak masyarakat bersama-sama memainkan peranan dalam menghargai bumi. Difahamkan, sebanyak 105 anak pokok bakau berjaya di tanam di Setiu Wetlands sebagai usaha kelestarian alam sekitar di kawasan tersebut.





6

PKT DAN MEDIA



Buka perniagaan untuk bantu usahawan kecil

Graduan PKT terima pelbagai anugerah cemerlang, miliki syarikat pengiklanan berjaya

■ NORADILA MAHAMAD

KUALA TERENGGANU

— Seorang graduan Politeknik Kuala Terengganu (PKT) yang sudah membina syarikat sendiri dengan mempunyai 20 orang pekerja, menerima Anugerah Pengarah Politeknik pada majlis konvokesyonnya, di sini.

Wan Fakhrurazi Wan Azhar, 21, bukan sahaja menerima anugerah berkenaan, malah membolot tiga lagi anugerah lain yang disediakan PKT seperti Anugerah Kecemerlangan Akademik dan Kokurikulum Jabatan, Anugerah Khas Ketua Jabatan dan Anugerah Projek Terbaik.

Fakhrurazi berkata, keputusan menolak untuk melanjutkan pengajian di sebuah universiti tempatan yang ditawarkan kepadanya selepas tamat sekolah menengah dahulu, berbaloi apabila ilmu yang diperoleh di PKT mampu menjadikannya seorang usahawan berjaya seperti yang diimpikan.

Memilih bidang Teknologi Maklumat (pengaturcaraan) se kali gus memenuhi cita-citanya, Fakhrurazi bersama dua lagi rakan membina perniagaan berkait rapat dengan pengiklanan dalam talian bagi membantu usahawan-



Fakhrurazi (tengah) bersama ibu, Wan Sharul Petriah Wan Petera dan ayah, Wan Ismail Wan Hashim dan rakan-rakan lain bergambar kenangan sambil memegang anugerah masing-masing.

cil dan sederhana (IKS) di seluruh negara termasuk Terengganu.

Menurut anak sulung daripada lima beradik itu, dia menyedari kos pengiklanan terlalu mahal dan dia membuka perniagaan pengiklanan di dalam talian ketika masih ber gelar pelajar di PKT, untuk membantu usahawan kecil berkenaan.

“Saya mahu membantu IKS dan sekarang ini pun banyak buat projek untuk usahawan-usahawan

di Kedah, malah akan mengadakan kerjasama dengan Kejora selepas ini untuk mempromosi produk-produk usahawan kecil di Johor Bahru pula.

“Usahawan kecil, mereka tidak cukup duit bayar iklan yang mahal dan syarikat saya berpangkalan di Sungai Buloh, Selangor dapat menolong, insya ALLAH,” katanya kepada pemberita pada Majlis Konvokesyen ke-15 PKT, di sini.

Hadir sama, Pengarah PKT, Radiah Che Su dan Pengarah Eksekutif TRIPLC Berhad, Ismail Hashim.

Dalam masa sama, pemegang Diploma Teknologi Maklumat itu berkata, walau di mana sekalipun seseorang itu belajar untuk mendapatkan ilmu, ia bukan penghalang untuk mencipta ke cemerlangan kerana peluang ada di mana-mana sahaja.

24 pelajar PKT terpilih ikuti penilaian

Seramai 24 pelajar Kejuruteeraan Elektronik (Komunikasi) serta Kejuruteeraan Elektrik dan Elektronik dan lima pensyarah Politeknik Kuala Terengganu (PKT) mengikuti Sijil Penilaian Kemahiran Pemasangan Pendawaian Bangunan Tahap 1 (BW1) selama sehari di Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Timur, Hulu Terengganu, semalam.

Ketua Jabatan Kejuruteeraan Elektrik Marzuki Hussein berkata, sebelum ke ABM pelajar dimilai melalui kursus persediaan selama dua hari iaitu pada 17 dan 18 Oktober bagi memastikan peserta mendapat latihan secukupnya sebelum mengambil penilaian BWI ini.

Selain itu, pelajar yang layak mengambil penilaian berkenaan perlu memenuhi beberapa syarat Lembaag Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) antaranya mempunyai Kad Hijau CIDB serta berpengalaman sekurang-kurangnya setahun dalam bidang pendawaian elektrik.

SINAR HARIAN | SELASA, 06 September 2016

SENTRAL

Kelima terbaik seluruh negara

Politeknik Kuala Terengganu komited lahirkan graduan berkemahiran pilihan majikan

■ NORADILA MAHAMAD

KUALA TERENGGANU - Politeknik Kuala Terengganu (PKT) berada pada kedudukan kelima daripada 37 buah politeknik seluruh negara dalam kebolehpasaran graduan dalam bidang kejuruteraan elektrik dan teknologi maklumat yang menjadi antara pilihan majikan.

Pengarah PKT, Radiah Che Su berkata, biarpun keadaan ekonomi di negara ini tidak berada pada keadaan stabil berhubung pengambilan pekerja, tetapi dalam masa sama, graduan PKT masih mendapat tempat (pekerjaan) terutama dalam kedua-dua bidang berkenaan.

Menurutnya, ini kerana kemahiran yang dibekalkan di PKT sangat diperlukan majikan di luar sana malah,

Radiah Radiah



RADIAH



Graduan PKT menyanyikan lagu politeknik sebelum Majlis Konvokesyen PKT ke-15 bersarai.

terdapat graduan yang masih belajar dan baharu menghabiskan semester akhir ditawarkan bekerja di syarikat di mana mereka melakukan praktikal.

"Pada semester akhir pelajar di sini diberi latihan praktikal di industri terpilih dan kebanyakannya mereka ditawarkan bekerja walaupun belum menjalani konvokesyen.

"Ini yang kita tawarkan di PKT, malah dalam masa sama,

PKT juga memberi keutamaan kepada bidang keusahawanan dalam kalangan pelajar bagi memberi mereka kemahiran supaya dapat menggabungkan kemahiran yang ada dan membuka perniagaan sendiri sekiranya tidak bekerja dengan industri," katurnya kepada pemberita pada Majlis Konvokesyen Politeknik Kuala Terengganu ke-15, di sini.

Menurutnya, ini kerana kemahiran yang dibekalkan di PKT sangat diperlukan majikan di luar sana malah,

keusahawanan penting bagi mengelak graduan PKT daripada tidak mempunyai pekerjaan sekali gus melahirkan lebih ramai usahawan dalam kalangan graduan PKT.

Tambahnya, tidak hairanlah, kebolehpasaran graduan PKT berada pada paras kira-kira 80.4 peratus bagi tahun semasa dan jumlah itu meningkat berbanding tahun sebelum ini 79 peratus.

"Peratusan ini dijangka meningkat kerana data akan dikira sepenuhnya pada November setiap tahun. Buat masa ini kira-kira 80.4 peratus graduan di PKT telah mem-

bih kurang 20 peratus lagi sedang menunggu penempatan, menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi dan sedang meningkatkan kemahiran sendiri," katurnya.

hubung majlis konvokesyen, seramai 124 graduan daripada Jabatan Kejuruteraan Elektrik (Komunikasi) dan Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Pengaturcaraan),

Sekampit beras sekilo gula

KUALA TERENGGANU - Prihatin dengan kesusahan orang lain, Politeknik Kuala Terengganu (PKT) melalui Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) dengan kerjasama Unit Perpustakaan PKT mengambil inisiatif menganjurkan program amal Sekampit Beras Sekilo Gula.

Timbalan Pengarah Akademik PKT, Mohd Rusmi Abdul Ghani berkata, program sempena Ramadan itu menjadi platform untuk warga PKT dan orang ramai menyumbang kepada golongan

mereka kurang bernasib baik di sekitar Kuala Terengganu.

"Ini merupakan program amal yang julung kali diadakan di PKT sejak penubuhannya pada 1999. Saya harap program mulia ini bukan hanya diadakan pada Ramadan sahaja, sebaliknya diteruskan pada bulan-bulan lain juga.

"Saya juga menyeru kepada semua pensyarah dan kakitangan PKT agar mengambil peluang untuk sama-sama bersedekah dan membuat amal jariah," katurnya ketika melancarkan

Program Sekampit Beras Sekilo Gula yang diadakan di Perpustakaan PKT, di sini.

Program tersebut akan berlangsung sehingga 22 Jun depan dan agihan pertama dijangka dilakukan pada 19 Jun nanti melibatkan 20 keluarga asnaf di sekitar Kuala Terengganu.

Mohd Rusmi berkata, maklumat lanjut mengenai program tersebut boleh didapati dalam Facebook rasmi Politeknik Kuala Terengganu atau hubungi Azhar Mahmud di talian 013-9305577.



Mohd Rusmi (kanan) bersama-sama dengan pensyarah dan staf memasukkan wang derma ke dalam tabung yang disediakan.

Produk program KIK beri manfaat

Menunjukkan kejayaan program itu dalam ketengahkan pelbagai inovasi, kreativiti pensyarah politeknik

■ FARAH SHAZWANI ALI

KUALA TERENGGANU

Kira-kira 75 peratus produk yang dihasilkan pensyarah politeknik melalui program Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) diguna pakai dan dimanfaatkan masyarakat dan syarikat luar.

Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik, Datuk Mohlis Jaafar berkata, ia menunjukkan kejayaan dan kemahiran program berkenaan yang dilakukan sejak lima tahun lalu, dalam mengetengahkan pelbagai inovasi dan kreativiti pensyarah-pensyarah politeknik.

Menurutnya, program tersebut mula dilaksanakan sejak tahun 2012 untuk membantu menyelesaikan permasalahan pengurusan, pentadbiran dan P&P (pengajaran dan pelajaran) dalam bilik kuliah.

"Program ini menggalak-



Mohlis menyampaikan anugerah kepada Politeknik Kuala Terengganu yang muncul johan keseluruhan Anugerah KIK Politeknik Malaysia Peringkat Kebangsaan 2016.

kan pensyarah kita mengeluarkan idea dan ilmu yang mereka ada untuk menyelesaikan masalah, terutamanya di peringkat politeknik. Dalam pengurusan misalnya, penggunaan elektronik melibatkan sistem komputer dalam menyelesaikan permasalahan, pentadbiran dan P&P (pengajaran dan pelajaran) dalam bilik kuliah.

"Inovasi-inovasi ini bo-

leh diguna pakai untuk meningkatkan prestasi pentadbiran dan pengurusan di politeknik. Dalam aspek teknikal pula, inovasi yang dibuat diguna pakai dan memudahkan P&P dalam makmal atau bilik kuliah" katanya.

Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Kebangsaan Politeknik Malaysia Tahun 2016 yang diadakan di Hotel Permai di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah Pusat Penyelidikan Inovasi Politeknik, Dr Abdul Rahim

Anugerah KIK Politeknik Malaysia Peringkat Kebangsaan 2016 diberi oleh Politeknik Kuala Terengganu juga mendapat tempat pertama bagi kategori pengurusan, melalui Kumpulan ETRANS dengan

tempat pertama bagi kategori teknikal yang diberi oleh Kumpulan Live Wire dari

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, dengan projek kesukaran mengesahkan kerrosakan transistor di dalam litar manakala persenongan terbaik dimenangi oleh kumpulan Pameo dari Politeknik Ungku Omar yang menjayakan projek proses mengambil data kehadiran program tidak efisien.

Jelas Mohlis, antara produk yang dikomersialkan dan digunakan secara meluas hasil daripada KIK ini ialah projek E TNT yang dihasilkan

Politeknik Kuala Terengganu dan A Smart Tool Layering Brick oleh Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

"Projek-projek yang dihasilkan melalui program KIK ini kita akan teruskan dengan mendapatkan IP dan hak paten" atau hak cipta dan seterusnya komersialkan bagi produk yang berpotensi dengan pihak kedua," katanya.

Zatul Wahid Zolkhiply
200ff@lhdn.gov.my

Kuala Terengganu

kan sebagai penerima apabila terjadi yang menarik minat setiap pelajar. "Sebagaimana ketua arwah ibu, saudara mengarwah arwah ayah dan dia yang memonani serta ketika mendafat di PKT pada Disember 2013.

"Saya ingarkan arwah ayah sempat meminta saya untuk majlis hari ini (sebelumnya), tetapi Al-lah telah menyembung."

Sekita rancangan memalak kerjasama mas sing bersama ibu bapa anak bongsu daripada II beradik, Nur Saliza Awang Besar, 25, dari Kampung Kubang Ikan di sini, hanya ditemui abang dan kakaknya berlakuk ibu bapanya dijemput tiba pada 2000 dan Disember tahun lepas.

Nur Saliza berjaya bersyukur kerana adik beradik sentiasa berada di sisinya selepas kematian ibu bapanya walaupun mereka mempunyai tanggungan wab dan kehidupan masih-masing." katanya yang berterima kasih yang bercita-cita mahu menjadi pendidik.

Nur Saliza berjaya arwah ibunya meninggal dunia selepas dia selesai menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menyertai dalam tawaran rosyah-amung pelajaran dalam bidang Teknologi Maklumat di Politeknik Persekutuan.

Memurah graduan Diploma Kejuruteraan Elektronik, Nur Saliza, sebelum ini belum pernah gagal dalam pelajaran dan kejayaan diperoleh hari ini bagi menebus kegagalan yang pernah dialaminya.

"Saya sebenarnya pernah gagal dalam Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan tidak menyambung pengajian ke universiti dan memilih untuk menyambung diploma di politeknik walaupun selepas Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (SPM) saya menerima banyak tawaran untuk menyambung pengajian."

"Alhamdulillah, walaupun hampir setahun saya tidak belajar selepas STPM semata-mata untuk menjaga bapu yang sedang sakit ketika itu, kejayaan yang saya peroleh hari ini adalah hikmah yang saya terima hasil pengorbanan selama ini berkat doa semua," katanya.

SINAR HARIAN | SABTU, 03 Jun 2017

Konvensyen Kumpulan

Johan keseluruhan bagi

Air mata iringi kejayaan Nur Saliza selepas rangkul Anugerah Pengarah Politeknik

KUALA TERENGGANU

Air mata yang turun ketika menceritakan perasaan gembira menerima anugerah tertinggi pada majlis konvoikesyen sudah cukup menggambarkan perasaan hiba seorang pelajar cemerlang yang terpaksa meraih kejayaan tanpa kehadiran kedua ibu bapanya.

Pelajar diploma Jurusan Kejuruteraan Elektronik, Nur Saliza Awang Besar, 25 yang berasal dari Kampung Kubang Ikan, Manji, di sini, berjaya merangkul anugerah tertinggi, Anugerah Pengarah Politeknik sempena Majlis Konvoikesyen kali Ke-16 Politeknik Kuala Terengganu, semalam.

Selain merangkul anugerah utama, beliau turut merangkul tiga lagi anugerah iaitu Anugerah Khas Ketua Jabatan, Anugerah Kecemerlangan Akademik dan Kokurikulum Jabatan, Anugerah Pengarah Politeknik (kategori Anugerah Projek Terbaik).

Alhamdulillah, ini kejayaan paling besar yang saya terima setakat ini dan ia hasil sokongan semua terutama pensyarah, keluarga dan rakan-rakan yang banyak membantuu saya," katanya ketika ditemui pada majlis konvoikesyen berkenaan yang diadakan di Hotel Primula, di sini, semalam.

Adik ini berkata, biarpun kedua orang tuanya tiada untuk berkongsi cerita kejayaan dan kegembiraan, dia reda dengan ketentuan itu.

"Kejayaan ini adalah untuk kedua ibu bapa saya. Biarpun mereka telah pergi, saya bersyukur kerana berjaya membanggakan mereka. Saya juga bersyukur kerana mempunyai kakak dan abang yang sensitif yang yokongnya dalam setiap bidang yang dicebur.

"Alhamdulillah, ini kejayaan paling besar yang saya terima setakat ini dan ia hasil sokongan semua terutama pensyarah, keluarga dan rakan-rakan yang banyak membantuu saya," katanya ketika ditemui pada majlis konvoikesyen berkenaan yang diadakan di Hotel Primula, di sini, semalam.

Kesedihan yang masih belum reda akibat kehilangan ibu, Saadiah Mohamad yang meninggal dunia tujuh tahun bertambah apabila beliau kehilangan bapanya, Awang Besar Muhammad Disember tahun



Nur Saliza bersama anugerah yang diterima sempena Majlis Konvoikesyen kali Ke-16 Politeknik Kuala Terengganu, yang diadakan di Hotel Primula, semalam.

lu akibat komplikasi penyakit.

Berkongsi cerita mengenai kehilangan insan tersayang, Nur Saliza yang menyimpang hasrat menjadi pendidik berkata, selama satuhuju tahun bertambah apabila beliau kehilangan bapanya tidak mampu bekerja akibat penyakit gout kronik yang dihadapi, selain kerosakan buah

pinggang.

Katanya, selepas bapanya meninggal dunia, beliau kini tinggal bersama kakaknya, Nazirah Awang Besar, 27 di Kampung Gong Tok Nasek, di sini, sejak tahun lalu.

"Kakak dan abang banyak membantu dalam menyalurkan



Rai kejayaan tanpa ibu ayah

■ Hanya air mata iringi pencapaian terbaik pelajar Politeknik Kuala Terengganu

persekolahan di tingkat enam litera viral sehingga yang tidak jauh dari rumah disebabkan lugah melaung bapanya sebelum periyat arwah semakin terik pada 2013.

"Ketika itu, para pelajar hastan menyambung pelajaran ke peringkat tarikh kerana terpelaus menghantar dan merjaya arwah ayah di hospital me mandangkan tahap kesihatannya yang tidak menentu.

"Saya aktifnya menyambung se mula pelajaran saya di KPT pada 2013 kerana arwah ayah saya menyambung pelajaran domisili masa depan," kata ny yang kini singgal bersama kakaknya, Nazirah, 27.

Majlis konvoikesyen itu disempurnakan Nab Pengarah Keskuntajasa Mewar Oktayshah Sdn Bhd Abdul Rahman Ali.

Pada majlis itu, seramai 199 orang menerima diploma masing-masing dalam kursus Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi), Teknologi Maklumat (Pengurusan dan Diploma Kejuruteraan Elektronik dan Elektronik).

Radiah bersama warga PKT pada Majlis Perhimpinan Awam Peringkat Negeri Terengganu.

Radiyah julang nama Politeknik Kuala Terengganu

FARAH SHAZWANI ALI

Tangan yang menggugur buaian mampu menggorgong dunia. Uskupan ini memang terap bagi menggambarkan kiatnya pengaruh Radiyah Che Su yang membawa pelbagai kejayaan kepada Politeknik Kuala Terengganu.

Ibu empat anak ini merupakan Pengarah PKT selama lebih tujuh tahun dan dalam tempoh itu, pelbagai kejayaan diraih sehingga membawa nama politeknik komersial kecil ini ke tempat yang tidak pemah diikutiannya.

Antara kejayaan yang dimangku PKT adalah Amalger Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu di Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Terengganu 2017 dan penarafan projek lima bintang menerusi Star Rating pada pertandingan itu.

Selain itu, PKT turut muncul juara keseluruhan Konvensyen Kumpulan Inovasi dan Kreatif



(KIK) Horizon Baru Politeknik Malaysia Peringkat Kebangsaan 2017.

Kemenerangkul anggerang itu selama tiga tahun berturut-turut, selain meraih johan bagi Kategori Penyampaian Perkhidmatan (Penambahbaikan) dan tempat pertama bagi pasarmerka terbaik.

"Politeknik ini dikenali sebagai politeknik konvensional kecil kerana jumlah pelajaranya hanya kira-kira 600 orang. Sebelum saya datang ke politeknik ini, saya lihat politeknik ini kurang daripada segi inovasi dan kreativiti."

"Sebalas itu apabila saya dibentur tangan-gawai untuk mengetahui PKT, azam saya untuk melihat politeknik ini berjaya. Jadi, bila di sini, saya asah staf dan pelajar serta sahaja dan cabar mereka untuk masuk pelbagai pertandingan."

"Hasilnya kita dapat lihat tenaga pengajar dan pelajar makin kreatif dan berlumba-lumba melakukan inovasi. Malah, kita terapkan juga diajua keusahawanya dan hasilnya, kita

meraih tempat kedua dalam ASEAN Entrepreneurship pada 2016. Tahun ini, kita bertanding lagi," katanya.

Bidang kejuruteraan howa tuah

Membuat Diploma Kejuruteraan Mekanikal dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Jazah Sarjana Muda (Kejuruteraan Mekanikal) UTM (1990), Radiah merupakan kejuruteraan seberangnya bukan pilihannya.

Katanya, bidang kejuruteraan adalah "bidang terlaris" memandangkan beliau lepasan Sekolah Menengah Sains Kelantan.

"Selepas habis MCE (kini SPM), saya tidak tahu nak pilih bidang apa. Rakaman rancang yang sambung pejabahan ke matrิกulasi. Saya isi sahaja boang, tetapi rezeki saya kerana keputusan cemerlang dalam subjek Matematik Tambahan dan Fizik, saya diterima masuk ke UTM."

"Saya langsung tidak tahu apa berkaitan kejuruteraan dan semasa sambung belajar, hanya ada empat orang perempuan dalam kelas saya. Pelajar lelaki pula kebanyakannya dari sekolah teknik, mereka lebih 'expert'. Saya berterima kasih kerana mereka banyak membantu saya selama ini," katanya.

Selepas pengajiannya, beliau mendapat tawaran mengajar di Sekolah Menengah Teknik Kuala Terengganu pada April 1980 dan selepas lapan tahun, berjaya naik tingkatan khas dan ditawarkan mengajar di Politeknik Alor Star Kedah.

Selepas mengajar hampir enam bulan, beliau diturunkan ke Politeknik Kota Bharu,



PROFIL

Nama : Radiyah Che Su
Jawatan : Pengarah Pusat Terengganu
Tarikh lahir : 9 Oktober 1970

Penyelidikan:

- Cara menangani halal kerjaya; keyakinan diri di dalam kerjaya
- Penilaian status pelajar model kolaborasi institut-pendidikan teknikal dalam melahirkan modal insan
- Amanat kepimpinan diri dalam kalangan pengaruh politik kuadra terengganu

Penerjemah:

- Diges Penyelidikan Pol Muzam Zainal Abidin
- Diges Kolej Komuniti K Terengganu, Jild 1/88, 1
- Diges Penyelidikan PSJ
- Buku Gairis Panduan P Penyelidikan Bahagian dan Inovasi Jabatan Pe Politeknik
- Diges Jabatan Pengraji, Jild 2, Bil.2/2013
- Diges Ilmiah Politeknik Terengganu bil.2/2013
- Pelan Strategik 2013-2 Kuala Terengganu

PKT kolaborasi dengan industri, alumni tingkat kemahiran graduan

FARAH SHAZWANI ALI

KUALA TERENGGANU

Kolaborasi antara Politeknik Kuala Terengganu (PKT) dengan pihak industri dan alumni menjadikan satu jambatan untuk membina lebih banyak peluang kerja, di samping kebolehpasaran graduan politeknik itu.

Pengarah PKT, Dr Mohd Daud Isa berkata, terbaru pihaknya menjalankan Program Tunjuk Ajarku Sifu bersama Alumni Politeknik Kuala Terengganu bertempat TD1303 Hub Digital Terengganu, di sini, Selangor.

"Selain itu, penglibatan



PKT menandatangani Sijil Kolaborasi bersama TD1303 dan MARii.

04 April 2019

itu dirancang untuk membantu menangani masalah kemahiran pelajar, di samping mempersiapkan pelajar dengan konsep aras keusahawanan.

"Kolaborasi dengan pihak industri dalam program ini secara tidak langsung bagi melahirkan modal insan negara yang kompeten dan berdaya saing, selaras dengan keperluan tenaga kerja negara masing kini dan hadapan."

Malah katanya, usaha antarabangsa perlu ditemui memastikan PKT tetus be

"Kita ke Indonesia dan bersama Universitas Kuli Padang bagi berkoongsi kepengetahuan sejak beberapa kali juga ke Vietnam jalur khidmat masyarakat."

"Bidang utama di PK maklumat (IT) dan kejuruteraan teknik dan teknologi."

"Saya percaya kerjasama ini bukan salutnya merangka kepada persyarahan dan akan meningkatkan kerap pengangkutan maklumat, me luangkan lebih masa serta melancarkan ke luar bersama nanti."

satu usaha ke arah mengembalikan semula peranan mereka terutamanya dalam perkongsian ilmu dan kemahiran kepada pelajar PKT khususnya," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada Program Tunjuk Ajarku Sifu bersama Alumni Politeknik Kuala Terengganu bertempat TD1303 Hub Digital Terengganu, di sini, Selangor.

Seluruh hadir, Timbalan Ketua Bahagian Pembangunan Teknologi Maklumat dan Komputer.

Program itu adalah anjuran PKT di bawah Unit Alumni, dengan kerjasama Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta Jabatan Matematik, Sains dan Komputer.

Seramai 200 pelajar PKT menyertai program itu, terdiri daripada pelajar Semester 1, 2, 3, 4 dan pelajar tahun akhir.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program itu berlangsung ialah Program Talk IR 4.0, Bengkel Kabel Optik, Bengkel Mobile Fotografi, Bengkel Abacus dan TRIZ Competition.

Pada majlis itu juga, diadakan Majlis Menandatangani Sijil Kolaborasi PKT bersama Institut Automotif, Robotik & IoT Malaysia (MARii) dan Terengganu Digital.



Pelajar sedang menjalani Kursus Fiber Optik.



SINAR HARIAN | 07 September 2016

PELAJAR terbaik yang merangkul empat anugerah, Wan Fakhruzi Wan Azhar (tengah) meraikan kejayaan bersama ibu bapanya, Wan Azhar Wan Ismail (tiga dari kiri) dan Wan Shahruh Etirah Wan Petera (empat dari kanan) serta rakan-rakan penerima anugerah di Majlis Konvokesyen ke-15 Politeknik Kuala Terengganu di Hotel Permai, Kuala Terengganu baru-baru ini.

Politeknik Kuala Terengganu pacu kecemerlangan

KUALA TERENGGANU 4 Sept.

-Politeknik Kuala Terengganu mengorak langkah apabila tergolong dalam kelompok lima yang terbaik dalam kalangan institusi pendidikan di seluruh negara berikut kecemerlangan akademik dan kokurikulum di samping kebolehpasaran graduan.

Pengarhnya, Radiah Che Su berkata, perkembangan positif itu dikenai pasti berdasarkan pemerhatian yang dibuat oleh Jabatan Pendidikan Politeknik terhadap keseluruhan 37 politeknik yang ada di Malaysia.

Berdasarkan data tidak rasmi, sebanyak 80.4 peratus pelajar institusi ini berjaya mendapat

pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian dan jumlah itu menunjukkan peningkatan berbanding hanya 72 peratus tahun lalu," katanya.

Beliau berkata, kepada pemeringkat selepas Majlis Konvokesyen Politeknik Kuala Terengganu Ke-15 yang disempurnakan oleh Pengarah Eksekutif Triple Berhad, Ismail Hashim di sini baru-baru ini.

Seramai 123 graduan politeknik berkenaan menerima diploma masing-masing bagi sesi Jun 2015 serta Disember 2015.

Menurut Radiah, Politeknik Kuala Terengganu telah meraiah pelbagai pencapaian dan antara yang tertinggi adalah Anuge-

rah Keusahawanan Kementerian Pendidikan 2015 menerusi ganjaran bermilai RM50,000 diikuti kejayaan dalam bidang reka cipta dan sukan.

Sementara itu, graduan Diploma Teknologi Maklumat (Pengaturcaraan), Wan Fakhruzi Wan Azhar, 21, muncul sebagai pelajar terbaik dengan merangkul empat anugerah sempena majlis konvokesyen itu.

Dia mencatat sejarah peribadi dengan menerima Anugerah Pengarah Politeknik, Anugerah Kecemerlangan Akademik dan Kokurikulum Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Anugerah Khas Ketua Jabatan serta Anugerah Projek Terbaik.

UTUSAN MALAYSIA • JURNAL 11 SEPTEMBER 2017

199 graduan PKT terima diploma

Oleh ROSALINDA MD.SAID
UTUSANTERENGGANU@UTUSAN.COM.MY

■ KUALA TERENGGANU 10 SEPT.

SERAMAI 199 graduan Politeknik Kuala Terengganu (PKT) menerima diploma dalam Majlis Konvokesyen kali ke-16 institusi itu di sini hari ini.

Mereka terdiri daripada graduan Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi), Teknologi Maklumat (Pengaturcaraan) serta Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik bagi sesi Jun dan Disember 2016.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Naib Pengurus Eksekutif, Jasa Merin (Malaysia) Sdn. Bhd., Abdul Rahman Ali.

Yang hadir sama, Ketua Penolong Pengarah Pusat Penyelidikan dan

Inovasi Politeknik, Kementerian Pendidikan Tinggi, Dr. Saifuddin Kumar Abdullah; Pengarah PKT, Radiah Che Su dan Timbalan Pengarah Akademik politeknik itu, Mohd. Rusmi Abd. Ghani.

Terdahulu, Radiah semasa berucap dalam majlis itu berkata, PKT sentiasa berusaha dalam menghasilkan graduan yang menjadi pilihan utama industri, majikan dan pasaran pekerjaan sejarah dengan perkembangan teknologi yang semakin mencabar.

Katanya, kejayaan politeknik itu terselar apabila 96 peratus daripada pelajar sesi Jun dan Disember 2016 telah bekerja dalam pelbagai sektor industri di samping dalam agensi kerajaan dan swasta.

"Dalam usaha memastikan pelajar, PKT tidak terkecuali

dalam menyediakan kemahiran keusahawanan sebagai nilai tambah ke arah pembentukan masa depan mereka selari dengan lonjakan pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)," katanya.

Dalam majlis itu, graduan Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi), Nur Saliza Awang Besar, 25, muncul pelajar terbaik dengan merangkul empat anugerah atas kecemerlangan akademik dan kokurikulum.

Anal bongsu daripada 11 beradik itu mencatat sejarah peribadi dengan menerima Anugerah Pengarah Politeknik, Anugerah Khas Ketua Jabatan, Anugerah Kecemerlangan Akademik dan Kokurikulum Jabatan serta Anugerah Projek Terbaik.



SEBAHAGIAN graduan Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi), Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Politeknik Kuala Terengganu ke-16 di Hotel Primula, Terengganu, semalam. - UTUSAN/AZLAN BAHRU

Graduan Politeknik jadi rebutan

Sebanyak 96 peratus graduan bagi sesi Jun dan Disember 2016 telah bekerja



Seramai 199 pelajar politeknik Kuala Terengganu bagi sesi Jun dan Disember 2016 menerima diploma masing-masing pada Majlis Konvokesyen kali Ke-16 institusi itu, semalam.



Abdul Rahman Ali (tengah) diliring Radiah Che Su (kanan) ketika hadir merasmikan Majlis Konvokesyen kali Ke-16 institusi itu yang diadakan di Hotel Primula, semalam.

graduan itu menjadi tumpuan pelajar di sana. "Setakat ini kita bekerjasama secara aktif dan jalin hubungan dengan lebih 15 industri. Ia bukan hanya kolaborasi bersama pelajar maklumat kaitangan. Pelajar juga ditempatkan di industri itu bagi menjalankan latihan yang memberikan pengetahuan dan pengalaman dalam bidang teknologi maklumat (IT) dan elektrik bagi meningkatkan karier mereka.

Pengarhnya, Radiah Che Su berkata, antara bidang mendapat tempat dalam

INFO ■ Seramai 199 graduan Politeknik Kuala Terengganu menerima diploma masing-masing

dan selebihnya dalam bidang teknikal.

jikan dan pasaran pekerjaan. "Sejauh dengan perkembangan teknologi yang semakin mencabar, Politeknik Kuala Terengganu sentiasa

menyediakan kemahiran keusahawanan sebagai nilai tambah ke arah pembentukan masa depan mereka selari dengan lonjakan pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)," katanya.

Daripada jumlah berkenaan, 69 orang merupakan lepasan bagi sesi Jun 2016 bagi Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi), Teknologi Maklumat (Pengaturcaraan) dan Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik bagi sesi Jun 2016 dan Disember 2016.

"Kita diajarkan boleh sediakan latihan kepada mereka selama enam bulan

SIDANG EDITORIAL

Penaung

Suzana binti Mohd Ali

Penasihat

Dr. Tengku Azman bin Tengku Mohd

Penyelaras Penerbitan

Sharmilla binti Sulong

Ketua Editor

Rosmayati binti Ismail

Editor

Sharmilla binti Sulong

Rosmayati binti Ismail

Ruzanna binti Ramli

Adibah binti Ali

Afsal binti Abdullah

Mohd Suhaidi bin Shafie

Intan Izyan binti Roslan

Jawatankuasa Redaksi

Zulkifli bin Taib

Nor Aziah binti Awang

Sharifah Sahidatunadrah binti Syed Abdullah

Albaihaki bin Awang



Catalan



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



e ISBN 978-967-2240-57-0

A standard 1D barcode representing the ISBN number 978-967-2240-57-0.

9 789672 240570